



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 3 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	JABATAN PERTANIAN BANGUN SISTEM e-LESEN LRMP TAMBAH BAIK MUTU PERKHIDMATAN, UTUSAN SARAWAK -ONLINE SISTEM e-LESEN LRMP TAMBAH BAIK PENYAMPAIAN KHIDMAT, LOKAL, HM -17	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	WARGA BANGLADESH DIDAKWA HERET KUCING SAMBIL NAIK MOTOSIKAL, MENGAJU TAK BERSALAH, THE RAKYAT POST -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5.	TAMPUNG KEPERLUAN AYAM SABAH, LOKAL, HM -11 FAMA AIMS TO EXPORT 300 TONNES OF PROCESSED CHICKEN TO SABAH ANNUALLY, PICKASTOP.INFO -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7. 8.	CEO MADACORP MOHON MAAF TIDAK SAMBUT SALAM MENTERI, NEGARA, KOSMO -6 ISU TIDAK SALAM, CEO MADACORP MOHON MAAF KEPADA MAT SABU, KEDAH GAZETTE -ONLINE MADACORP CEO APOLOGISES FOR NOT SHAKING HANDS WITH MOHAMAD SABU, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9. 10.	KELANTAN KELUAR BERAS AGRO DARUL NAIM, TIMUR, HAKAKAH -H15 BELIAWANIS DIGALAK SERTA SEKTOR PENTERNAKAN, TIMUR, HAKAKAH -H16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2024	UTUSAN SARAWAK	ONLINE	

Jabatan Pertanian bangun sistem e-Lesen LRMP tambah baik mutu perkhidmatan



PUTRAJAYA: Jabatan Pertanian membangunkan sistem e-Lesen Lembaga Racun Makhluh Perosak (LRMP) sebagai usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan dan tatakelola penuh bertanggungjawab serta berintegriti.

Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Alwi berkata, sistem terbabit adalah

gabungan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) yang disediakan kepada pihak berkepentingan untuk setiap perkhidmatan pelesenan racun makhluh perosak.

“Sistem ini mempunyai beberapa elemen pendigitalan iaitu permohonan, pembaharuan, semakan status lesen, penerimaan notifikasi, bayaran dan cetakan lesen secara dalam talian,” katanya yang ditemui pada Program Jerayawara e-Lesen LRMP di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya turut memperkenalkan kod respons pantas (QR) kepada LRMP untuk mengenal pasti kesahihan lesen yang diluluskan.

Nor Sam berkata, maklumat yang terdapat di dalam sistem e-Lesen LRMP akan disalurkan ke papan pemuka bagi tujuan pemetaan premis yang mempunyai kelulusan daripada Jabatan Pertanian.

“Dalam hal ini, penglibatan pihak berkepentingan penting dalam membantu Jabatan Pertanian memantau aktiviti berkaitan racun makhluh perosak bagi memastikan pematuhan syarat-syarat penjualan demi menjamin kesejahteraan semua,” katanya.

Bagi memastikan sistem e-Lesen LRMP dapat digunakan secara menyeluruh, Nor Sam berkata Jabatan Pertanian melalui Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja telah mengadakan beberapa sesi jerayawara di setiap zon bagi memastikan pihak berkepentingan dapat menggunakan sistem terbabit dengan lebih berkesan. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	17

Sistem e-Lesen LRMP tambah baik penyampaian khidmat

Putrajaya: Jabatan Pertanian membangunkan sistem e-Lesen Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) sebagai usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan dan tatakelola penuh bertanggungjawab serta berintegriti.

Ketua Pengarah Pertanian

an Datuk Nor Sam Alwi berkata, sistem itu gabungan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) yang disediakan kepada pihak berkepentingan untuk setiap perkhidmatan pelesenan racun makhluk perosak.

"Sistem ini ada beberapa elemen pendigitalan iaitu

permohonan, pembaharuan, semakan status lesen, penerimaan notifikasi, bayaran dan cetakan lesen dalam talian," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut memperkenalkan kod respons pantas (QR) kepada LRMP untuk mengenali pasti kesahihan le-

sen yang diluluskan. Nor Sam berkata, maklumat yang terdapat di dalam sistem e-Lesen LRMP akan disalurkan ke papan muka bagi tujuan pemantauan bagi tujuan pemenuhan premis yang mempunyai kelulusan daripada Jabatan Pertanian.

"Penglibatan pihak ber-

kepentingan penting dalam membantu Jabatan Pertanian memantau aktiviti berkaitan racun makluk perosak bagi memastikan pematuhian syarat penjualan demi kesejahteraan semua," katanya.

Bagi memastikan sistem e-Lesen LRMP dapat digu-

nakan secara menyeluruh, Nor Sam berkata, Jabatan Pertanian melalui Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja telah mengadakan beberapa sesi jerayawara di setiap zon bagi memastikan pihak berkepentingan dapat menggunakan sistem dengan lebih berkesan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2024	THE RAKYAT POST	ONLINE	

Warga Bangladesh Didakwa Heret Kucing Sambil Naik Motosikal, Mengaku Tak Bersalah

Seorang lagi individu warganegara asing yang sepatutnya dituduh bersama atas dakwaan menyebabkan kecederaan ke atas kucing tersebut gagal menghadirkan diri mahkamah.



Rasyiah Ghazali.

Seorang individu didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam hari ini (2 Oktober) atas tuduhan mendatangkan kesakitan ke atas seekor kucing.

Tertuduh, Monotosh, yang merupakan pekerja pembersihan warga Bangladesh walau bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa secara bersama dengan seorang individu lain mengheret seekor kucing dewasa yang diikat menggunakan alat penjerut sambil menaiki sebuah motosikal di atas jalan raya.

Ikut Kucing Dengan Alat Penjerut & Heret Naik Motosikal

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan terhadap kucing berwarna putih itu di sebuah kawasan perumahan di Seksyen 31, Shah Alam antara jam 2 hingga 2.15 petang, 7 September lalu.

Sehubungan itu, dia didakwa di bawah Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1) akta sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaaan.

Sekiranya disabit kesalahan, tertuduh berdepan denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000, atau penjara tidak lebih tiga tahun, atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh Dijamin Oleh Majikan, Serah Pasport Pada Mahkamah

Tertuduh ditawarkan jaminan sebanyak RM20,000 oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Mohd Sharif Sabran. Dia juga ditawarkan seorang penjamin dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam, K Bagia Sri Devi, yang mewakili tertuduh bagaimanapun memohon agar jaminan dikurangkan kepada RM10,000 dengan alasan anak guamnya berasal dari Bangladesh dan hanya menerima gaji RM1,500 sebulan.

“Dokumen perjalanan tertuduh telah diserahkan kepada mahkamah dan dia telah memberi kerjasama yang baik kepada pihak berkuasa sejak disiasat,” katanya.

Tambahnya lagi, Monotosh juga tidak mempunyai sebarang ahli keluarga di Malaysia dan akan dijamin oleh majikannya.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh dijamin sebanyak RM13,000 dengan seorang penjamin warganegara serta pasport diserahkan kepada mahkamah. Dia juga perlu melaporkan diri ke balai polis terdekat setiap bulan sehingga kes selesai.

Seorang Lagi Warganegara Asing Tak Hadir Ke Mahkamah

Dalam pada itu, seorang lagi individu warganegara asing yang sepatutnya dituduh bersama gagal menghadirkan diri mahkamah.

Mohd Sharif sehubungan itu membuat permohonan bagi mengeluarkan waran tangkap sebelum mendapat kebenaran mahkamah.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 4 November ini, lapor Sinar Harian.

Banyak Kes Dera Kucing Dilaporkan Media

Penganiayaan ke atas kucing malangnya bukanlah kes terpencil di negara ini yang dilakukan oleh segelintir individu tidak berhati perut.

Walaupun terdapat banyak insiden sedemikian yang dilaporkan oleh media, namun tidak pasti jika tindakan telah diambil ke atas pelaku.

Pada Jun lalu, Persatuan Haiwan Malaysia telah menawarkan ganjaran sebanyak RM3,000 bagi sesiapa yang berjaya menjejak pelaku yang melapah seekor kucing.

Malah, terdapat juga kes kucing peliharaan diracun yang disyaki dilakukan oleh jiran tetangga sendiri.

Namun begitu, masih ramai juga yang menyayangi haiwan kesayangan Nabi Muhammad SAW ini dan membantu mereka yang dalam kesusahan.

Beberapa taman kucing juga telah dibina seperti di Cyberjaya bagi menempatkan kucing-kucing liar, sekaligus merawat mereka yang tercedera sebelum dibuka bagi 'adoption'.

3/10/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

11

Melaka

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyasarkan untuk mengeksport kira-kira 300 tan metrik ayam proses setahun dari Semenanjung ke Sabah dengan anggaran pembelian RM3 juta.

Pengerusinya Aminuddin Zulkifli berkata, buat permulaan, Fama mengeksport sebanyak 12 tan metrik ayam proses dengan anggaran nilai RM10,000 menerusi penghantaran pertama yang berlepas semalam.

Beliau berkata, inisiatif itu bagi menampung keperluan penduduk Sabah yang ketika ini mendapatkan bekalan ayam proses import dari Thailand dan China.

"Selain itu, inisiatif ini dilakukan selaras dengan pindaan Akta 141 Fama 1965 yang membenarkan agensi ini mengurus pemasaran produk ternakan sekali gus membuka peluang lebih luas kepada Fama memasarkan produk pertanian dan ternakan.

"Ia juga bertujuan membantu penternak dan usahawan tani memasarkan produk mereka dengan ca-

Tampung keperluan ayam Sabah

Fama sasar eksport 300 tan metrik ayam proses setahun dari Semenanjung

ra yang lebih berkesan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Pelepasan Penghantaran Ayam Proses Ke Pasaran Sabah di Pejabat Fama Melaka, di sini, semalam.

Aminuddin berkata, penghantaran dengan lautan laut itu mengambil masa kira-kira dua minggu dan melibatkan pelbagai proses termasuk kelulusan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Beliau berkata, harga ayam proses yang ditawarkan kepada pengguna di Sabah ialah lima peratus lebih rendah berbanding harga semasa iaitu sekitar

RM12.40 sekilogram dan

harga berkenaan dijangka dapat diturunkan lagi sekiranya meraih permintaan tinggi.

"Ayam proses yang di-eksport ke pasaran Sabah berkenaan akan diagihkan secara peruncitan menerusi rangkaian outlet Fama di seluruh Sabah selain diedarkan kepada pemborong.

"Kita berharap apa yang diusahakan Fama ini akan memberikan kemudahan atau alternatif kepada pengguna di Sabah yang selama ini banyak bergantung kepada bekalan import dari luar negara," ka-

tanya.

Beliau berkata, usaha mengeksport ayam proses itu juga bertujuan menjalin kerjasama lebih baik antara Fama dengan pemain industri antaranya pengusaha dan penternak ayam di Semenanjung selain tidak bertujuan untuk mendominasi pasaran eksport di Sabah.

Sebaliknya, katanya, ia sebagai inspirasi atau galakan kepada pengimport di Sabah untuk terus terlibat dalam pembekalan ayam bagi pasaran berkenaan sekali gus membantu menawarkan harga lebih kompetitif.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2024	PICKASTOP.INFO	ONLINE	

FAMA aims to export 300 tonnes of processed chicken to Sabah annually



Reuters filepix for illustration purpose only.

MELAKA (Oct 2): The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) aims to export about 300 tonnes of processed chicken from Peninsular Malaysia to Sabah each year, with an estimated procurement budget of RM3 million.

Its chairman Aminuddin Zulkipli said the first shipment, consisting of 12 tonnes of processed chicken valued at RM110,000, departed on Wednesday.

“This initiative aims to meet the demand for processed chicken in Sabah, which currently relies on imports from Thailand and China,” he said.

He added that the initiative aligns with the amendment to the FAMA Act 1965 (Act 141), which empowers the agency to manage the marketing of livestock products, thereby expanding opportunities for FAMA to promote both agricultural and livestock products.

“It also seeks to assist farmers and agricultural entrepreneurs in marketing their products more effectively,” he said after officiating the processed chicken shipment to Sabah at the FAMA office in Melaka on Wednesday.

Also present were FAMA director general Abdul Rashid Bahri and Melaka director Nor Azhar Abdul Hamid.

Commenting on the first shipment to Sabah, Aminuddin said the sea route delivery would take about two weeks and involves several processes, including approval from the Royal Malaysian Customs Department.

He added that the price of processed chicken for consumers in Sabah is 5% lower than the current market price of around [RM12.40](#) per kilogramme, with potential for further reductions if demand increases.

“The processed chicken exported to Sabah will be distributed through FAMA’s retail outlets statewide and to wholesalers.

“We hope that FAMA’s efforts will provide greater convenience and alternatives for Sabah consumers who have largely relied on imported supplies,” he said.

Aminuddin added that the move to export processed chicken also aims to strengthen collaboration between FAMA and industry stakeholders, including poultry producers and farmers in Peninsular Malaysia, and is not intended to dominate the export market in Sabah.

“Instead, this initiative serves as inspiration and encouragement for importers in Sabah to remain engaged in supplying chicken to the market, helping offer more competitive prices,” he added.

CEO MADACorp mohon maaf tidak sambut salam menteri



TANGKAP layar video Abdullah (kiri) yang didakwa tidak menyambut salam Mohamad di Alor Setar pada Isnin lalu.

ALOR SETAR – Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Syarikat Perniagaan Peladang MADA Sdn. Bhd. (MADACorp), Abdullah Ismail memohon maaf kerana tidak menyambut salam Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu pada Isnin lalu.

Katanya, dia telah bersalaman dengan Mohamad sebaik sahaja menteri itu keluar dari kereta untuk menghadiri program Sentuhan Madani di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tajar, di sini.

"Kemudian saya mengiringi menteri bersalaman dengan pegawai-pegawai yang lain. Ketika mengiringi menteri bersalaman dengan pegawai yang lain, beliau telah menghulurkan tangan sekali lagi untuk bersalaman

dengan saya.

"Oleh kerana saya telah bersalaman dengan beliau sebelum itu, saya jadi terkedu dan saya terkhilaf kerana tidak bersalaman sekali lagi dengan beliau," katanya dalam kenyataan semalam.

Justeru, beliau dengan rasa rendah diri mengakui kesilapan tidak menyambut sekali lagi salam menteri terbabit.

"Saya ingin memohon maaf atas salah faham yang telah berlaku. Saya harap penjelasan dan permohonan maaf saya diterima oleh semua pihak yang teras dengan perbuatan saya," ujarnya.

Terdahulu, tular video insamparkan Abdullah tidak bersalaman dengan Mohamad ketika beliau membuat lawatan kerja di negeri ini pada Isnin lalu.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (Amanah) Kedah, Firdaus Shater berkata, pihaknya kesal dengan penularan video memaparkan tindakan kurang cermat dilakukan CEO MADACorp.

"Insiden tidak bersalaman dengan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan memperlihatkan satu tindakan yang tidak profesional.

"Ia juga tidak selari dengan etika profesionalisme yang mengutamakan sikap hormat-menghormati, kerjasama dan komunikasi yang beradab, malah ia juga bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang menuntut penghormatan dan adab terhadap pemimpin serta sesama insan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2024	KEDAH GAZETTE	ONLINE	

Isu tidak salam, CEO Madacorp mohon maaf kepada Mat Sabu



ALOR SETAR – Gara-gara isu tidak salam yang tular, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn Bhd (MadaCorp), Abdullah Ismail membuat permohonan maaf kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Abdullah berkata, beliau sudah bersalaman dengan Mohamad sebaik menteri itu keluar dari kereta semasa menghadiri Program Sentuhan Madani di sini pada Isnin.

Menurutnya, beliau juga turut mengiringi menteri tersebut untuk bersalaman dengan pegawai lain.

“Oleh kerana saya telah bersalaman dengan beliau sebelum itu, saya jadi terkedu dan saya terkhilaf kerana tidak bersalaman sekali lagi dengan beliau.

“Justeru saya dengan rasa rendah diri mengakui kesilapan saya kerana tidak menyambut salam sekali lagi Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan ingin memohon maaf di atas salah faham yang telah berlaku,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, beliau berharap penjelasan dan permohonan maaf tersebut diterima oleh semua pihak yang terasa dengan perbuatan yang tidak disengaja itu.

Pada Selasa, tular video yang menyaksikan Abdullah seolah-olah enggan bersalaman dengan Mohamad ketika menghadiri Program Sentuhan Madani di Kedah dan perbuatan tersebut mendapat kritikan daripada netizen.

Mohamad juga hadir untuk meninjau keadaan pesawah yang terjejas dengan banjir pada pertengahan September lalu di negeri ini.

Sementara itu, Pengerusi Amanah Kedah, Asmirul Anuar Aris menyifatkan tindakan tersebut sebagai tidak profesional dan tidak selari dengan etika profesionalisme yang mengutamakan sikap hormat-menghormati, kerjasama, dan komunikasi yang beradab.

Menurutnya, jika terdapat perbezaan ideologi politik seharusnya tidak menjadi penghalang kepada kita untuk saling menghormati antara satu sama lain, terutama dalam kalangan Melayu Islam.

“Orang Melayu kaya dengan adab dan tatasusila, oleh itu adalah penting untuk kita menggunakan nilai-nilai ini demi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu,” kata beliau.



English

type to start searching



GENERAL > NEWS

MADACorp CEO Apologises For Not Shaking Hands With Mohamad Sabu

02/10/2024 08:30 PM



ALOR SETAR, Oct 2 (Bernama) -- Syarikat Perniagaan Peladang MADA Sdn Bhd (MADACorp) chief executive officer Abdullah Ismail has apologised for allegedly not shaking hands with Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu at an event here on Monday.

Abdullah clarified that he had shaken hands with Mohamad as soon as the minister stepped out of his vehicle and accompanied him in greeting other officials.

"While I was escorting the minister, he had extended his hand again to shake hands with me.



BERNAMA - MADACorp CEO Apologises For Not Shaking Hands With Mohamad Sabu

"Since we had already shaken hands earlier, I was taken aback and unintentionally did not return his gesture," he said in a statement here today.

Abdullah said he humbly acknowledged his mistake and hoped that his explanation and apology would be accepted by all parties who were slighted by the incident.

Earlier, a video showing Abdullah seemingly refusing to shake hands with Mohamad during the Sentuhan Madani Programme went viral and garnered reactions from netizens.



-- BERNAMA

BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) and FM100.9 (Kuching) frequencies.

Follow us on social media :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial),

[@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

KEYWORDS

[ceo](#) [madacorp](#) [mohamad sabu](#) [shake hands](#) [sorry](#)

RELATED NEWS



Govt To Speed Up Flood Aid For Kedah Rice Farmers

🕒 2d ago

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2024	HARAKAH	TIMUR	H15



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail meninjau kerja-kerja baik pulih kilang padi di Meranti.

Kelantan keluar Beras Agro Darul Naim

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

TUMPAT: Beras Agro Darul Naim akan berada di pasaran tidak lama lagi apabila Kilang Padi Darul Naim di Meranti memulakan operasi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kilang tersebut dibaik pulih daripada kilang padi yang su-

dah lama tidak beroperasi.

Katanya, kilang terbabit terletak di kawasan seluas lapan ekar dijangka mampu mengeluarkan sehingga 40,000 tan beras dalam satu-satu masa.

"Kilang Padi Darul Naim di Meranti akan memulakan operasi tidak lama lagi. Hasrat kerajaan negeri untuk menghasilkan beras dengan jenama sendiri," katanya di sini.

Sebelum itu beliau meninjau kerja-kerja membaik pulih

kilang tersebut.

Sebelum ini kerajaan Kelantan mengumumkan akan membina kilang padi dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad.

Kelantan antara negeri pengeluar beras utama di negara ini. Malah hasil padi dikeluarkan pesawah di Kelantan melebihi keperluan penduduk tempatan.

Beliawanis digalak sertai sektor penternakan

KOTA BHARU: Kerajaan negeri menggalakkan penyertaan golongan wanita khususnya beliawanis dalam bidang keusahawanan terutamanya di sektor pertanian dan penternakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, baru-baru ini seramai 30 beliawanis mengikuti Kursus Penternakan Ayam Penelur.

Katanya, program tersebut diadakan di Dewan Seminar Pusat Khidmat Dun Kadok dengan kerjasama Persatuan Aspirasinita Kelantan dan Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd (KPKB).

"Kursus itu penting dengan mengambil kira pada tahun 2023 Malaysia menghadapi kekurangan bekalan telur ayam sehingga menyebabkan langkah sementara kerajaan mengimport telur ayam dari luar negara," katanya pada program tersebut.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Wan Rohimi Wan Daud dan Khir Mohd Nor bersama beliawanis yang menyertai kursus Penternakan Ayam Penelur Teknik Rumah.

Turut hadir Adun Melor Wan Rohimi Wan Daud, Ahli Parlimen Kereh, Mejar Jeneral (B) Dato' Khir Mohd Nor, wakil Persatuan Aspirasinita Kelantan dan KPKB.

Tuan Mohd Saripudin juga berharap ilmu yang dipelajari peserta dapat dimanfaatkan untuk pembangunan keusahawanan, pertanian dan penternakan.